



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 28 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SEKTOR RUGI RM90.6 JUTA AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO -4 BAH: SEKTOR AGRO NEGARA RUGI RM90.6j, SELANGOR PALING TERKESAN, LOKAL, HM -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5.	HARUMANIS RM40 SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -30 3 TAN METRIK HARUMANIS TAHUN INI, DALAM NEGERI, UM -30 PENDAPATAN PENGUSAHA MEROSON 30 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6. 7. 8.	'CUACA TAK MENENTU JEJAS PENGELUARAN', LOKAL, HM -5 6 FOOD ITEMS PUT UNDER PRICE CONTROL SCHEME, NEWS IN BRIEF, NST -10 NEGRI GOVT'S ONE-OFF AID TO AGRO-FOOD ENTREPRENEURS, NEWS IN BRIEF, NST -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## 3 sektor rugi RM90.6 juta akibat banjir

**SHAH ALAM** — Banjir terburuk yang melanda hujung tahun lalu merekodkan kerugian lebih RM90 juta dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, jumlah kerugian itu membabitkan 7,578 wira agro di seluruh negara.

Menurutnya, Selangor merupakan negeri paling teruk terjejas membabitkan nilai kerugian dianggarkan sebanyak RM32.8 juta untuk ketiga-tiga bidang yang membabitkan 1,100 pengusaha.

"Angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa apabila 'survey' secara keseluruhan dibuat kerana kerosakan adalah cukup ekstensif sekali," katanya pada Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor ke-44 di sini.

Ronald memberitahu, dalam konteks keluarga PPN Selangor, sebanyak 91 projek pertanian terjejas dengan nilai kerugian dianggarkan RM1.943 juta membabitkan lima Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Beranang dan Sepang.

Beliau berharap semua jabatan dan agensi bekerjasama dalam mengadaptasi teknologi dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian khususnya.

# Bah: Sektor agro negara rugi RM90.6j, Selangor paling terkesan

**Shah Alam:** Sektor pertanian, perikanan dan peternakan negara mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM90.6 juta akibat banjir luar jangka yang melanda penghujung tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Malaysia, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, jumlah kerugian itu membabitkan 7,578 wira agro di seluruh negara.

“Dari pada jumlah itu, Selangor adalah negeri paling teruk terjejas dengan nilai kerugian RM32.8 juta membabitkan 1,100 wira agro. “Angka ini akan terus me-

ningkat dari semasa ke semasa apabila penilaian secara keseluruhan dibuat kerana kerosakan adalah cukup besar, “Walaupun cabaran ini dilalui dengan baik terutamanya dalam memastikan bekalan makanan mencukupi namun kita perlu menerima hakikat bahawa ekonomi negara menerima kesan begitu mendalam,” katanya

membaca ucapan Menteri Pertanian Dan Industri Ma-

Datuk Seri Dr Ronald Kian-dee, semalam. Beliau berucap dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor ke-44 di sini.

Ahmad berkata, dalam konteks keluarga PPN Selangor, sebanyak 91 projek pertanian dengan nilai kerugian dianggarkan RM 1,943 juta.

“Ini membabitkan lima PPK iaitu Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Beranang dan Sepang, katanya.

Sektor pertanian Selangor paling teruk terjejas akibat banjir

Kenaikan harga input pertanian jadi punca buah semakin mahal

## Harumanis RM40 sekilogram

Oleh MOHD. HAFIZ ABD.  
MUTALIB dan NAZLINA NADZARI  
hafiz.mutalib@mediamua.com.my

**KANGAR:** Harga mempelam harumanis meningkat sehingga RM40 sekilogram ekoran kenaikan input pertanian yang menyebabkan petani tidak mempunyai pilihan menaikkan harga buah itu.

Bagaimanapun kenaikan tersebut disifatkan tidak terlalu ketara berbanding harga pasaran semasa mempelam berkenaan bagi gred premium iaitu sekitar RM35 sekilogram.

Musim harumanis yang cukup dimantikn para penggemarnya di seluruh negara bakal tiba sekitar April depan sehingga Julai dengan ketika ini pokok mempelam tersebut sudah mula mengeluarkan bunga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis negeri, Datuk Hashim Suboh berkata, kos penjagaan harumanis bagi lahan komersial diukur mengikut kilogram iaitu sekitar RM12 bagi setiap satu kilogram penghasilan mempelam berkenaan.



HASHIM SUBOH

Katanya, kenaikan harga input pertanian seperti bahan beras dan penggalak sememangnya diaku memberi kesan namun tidak terlalu ketara iaitu sekitar RM1.50 bagi setiap kilogram.

"Saya jangka harga jualan harumanis pada musim ini jika naik sekali pun tidak melebihi RM5 iaitu sekitar RM40 sekilogram berbanding harga pasaran sekitar RM35.

"Itu bagi gred premium membatikn ladang komersial yang

sememangnya memerlukan penjagaan cukup rapi. Kalau ladang biasa atau semi komersial mungkin kenaikan tidak terlalu ketara atau lebih murah lagi.

"Kenaikan input pertanian tersebut terdapat juga kesan namun sekiranya dibahagikan dengan pengeluaran buah dalam unit kilogram, ia tidaklah terlalu ketara kenaikan harga tersebut," katanya.

Tambah Hashim, ramai yang tidak mengetahui proses penjagaan dan penyelenggaraan pokok harumanis sebenarnya bukan mudah selain memerlukan kos cukup tinggi bagi menghasilkan buah berkualiti seterusnya menjamin keupasan para pembeli.

Katanya, harumanis memerlukan penjagaan sepanjang tahun dengan kos ladang bagi sekilogram buah tersebut dianggarkan menelan belanja sekitar RM12.

"Harumanis bukan makanan ruji, setiap musim paling kurang pelanggan beli atau pesan sekira tiga atau empat kali khususnya bagi buah gred premium.

"Jadi, soal harga mungkin tidak menjadi persoalan untuk

mengeluarkan perbelanjaan lebih setahun sekali bagi menikmati keenakan buah yang menjadi ikon negeri Perlis itu. Malah, apabila kita merasai keenakan harumanis itu sebenarnya hasil daripada penjagaan yang cukup rapi dan teliti," katanya.

Sementara itu, pengusaha harumanis Abdul Rahman Hussain, 43, berkata, peningkatan harga input pertanian khususnya racun dan baca sememangnya memberi kesan apabila perlu mengeluarkan lebih modal musim ini.

Katanya, sebelum kenaikan harga input pertanian, kos penjagaan harumanis kebunnya di seluas 0.28 hektar membabitkan 65 pokok sekitar RM1,800 namun meningkat antara RM2,500 sehingga RM2,800 musim ini.

"Dengan kenaikan input pertanian itu, kita tidak menolak kemungkinan harga mempelam harumanis musim ini juga bakal mengalami kenaikan. Jika tidak pendapatan saya mungkin merosot dari RM8,000 kepada tinggal RM5,000 sahaja pada musim ini," katanya.

**3 tan metrik harumanis tahun ini**

**KANGAR:** Jabatan Pertanian negeri menjangkakan pengeluaran harumanis tahun ini sebanyak 2,969 tan metrik iaitu lebih tinggi berbanding tahun lalu 2,527 tan metrik mempelam berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, sasaran awal itu dibuat berdasarkan jumlah pokok matang mampu mengeluarkan hasil yang banyak melibatkan kawasan seluas 1,484 hektar daripada 1,338 hektar musim sebelumnya.

Katanya, keluasan keseluruhan kawasan penanaman mempelam harumanis juga meningkat kepada 1,687 hektar berbanding 1,575 pada 2021.

"Pengeluaran bunga harumanis di seluruh Perlis kini telah mencapai 80 peratus, sekali gus menunjukkan peningkatan peratusan pengeluaran bunga berbanding musim 2021 yang mana pengeluaran bunga hanya 70 peratus sahaja.

Tambahan Hafizuddin, ketika ini, para pengusaha juga telah mulai membaut buah dan hasilnya dijangka selepas 56 hari.

Iusteru katanya, jangkaan buah berkenaan berada di pasaran bermula 25 Mac sehingga penghujung Jun.

"Ketika ini, pengusaha mengalami masalah kenaikan harga input pertanian bahan beras yang tidak mencukupi untuk menyiram pokok mereka yang telah berbunga kembang bagi meningkatkan kadar kelebatan dan mengelakkan putik gugur.

"Pengusaha juga mengalami masalah kenaikan harga input pertanian bahan beras yang tidak mencukupi untuk menyiram pokok mereka yang telah berbunga kembang bagi meningkatkan kadar kelebatan dan mengelakkan putik gugur.

Berdasarkan rekod, terdapat sebanyak 2,596 pengusaha harumanis di negeri ini dalam tahun ini sekali gus menyaksikan peningkatan berbanding 2,419 pengusaha pada tahun lalu.

## Pendapatan pengusaha merosot 30 peratus

**PADANG BESAR:** Pendapatan pengusaha harumanis di Perlis musim ini dijangka merosot sehingga 30 peratus berikutan kenaikan harga input pertanian.

Lazimnya, hasil jualan mereka bagi satu tan metrik buah berkenaan iaitu kira-kira 3,000 biji boleh mencapai RM18,000, namun mungkin menurun sekitar RM13,000 musim ini selepas mengambil kira kos input pertanian untuk penjagaan pokok mempelam berkenaan.

Antara input pertanian yang naik itu termasuklah bahan-bahan, bahan dolomite, racun rumput dan serangga, penggalang serta vitamin yang ada sebagai hagiannya melibatkan peningkatan sehingga tiga kali ganda.

Sebagai rekod, sebanyak 2,596 pengusaha harumanis di negeri ini membatikn kawasan seluas 1,687 hektar.

Pengusaha harumanis, Shahrom Saad, 57, yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas 0.86 hektar itu berkata, harga racun rumput bagi empat liter sebelum ini adalah sekitar RM50 namun meningkat kepada RM98 sekali



SHAHROM SAAD menyembur racun bagi mengawal serangan serangga lelopst daun di kebun harumanis di Semadong, Beseri, Padang Besar, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/NUR NAZLINA NADZARI

gus cukup membebankan mereka.

Katanya, racun serangga yang merupakan antara keperluan pengusaha harumanis juga meningkat kepada RM90 seliter berbanding RM30 pada musim lalu.

"Harga bahan dan vitamin turut

naik pada musim ini antara 20 hingga 50 peratus. Kami jangkaan kos input pertanian sahaja meningkat sekali ganda iaitu kepada RM10,000 berbanding RM5,000 semusim pada tahun lalu," ujarnya.

Sementara itu, Mohd Shazwan Shahimi, 32, yang mempunyai 40 pokok harumanis di kebunnya di Timah Tasoh di sini turut berharap agensi berkaitan dapat mengawal peningkatan harga input pertanian tersebut.

**BEKALAN TELUR MENYUSUT****'Cuaca tak menentu jejas pengeluaran'**

**Shah Alam:** Keadaan cuaca yang tidak menentu antara punca kurangnya penghasilan dan pengeluaran telur ayam dalam negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata faktor berkenaan bukan hanya mempengaruhi hasil keluaran sektor pertanian malah menjasaskan bekalan haiwan ternakan dan perikanan.

Selain itu, faktor yang mempengaruhi pengeluaran telur berkurangan susulan kejadian banjir luar jangka baru-baru ini di samping peningkatan kos harga bekalan makanan ternakan yang diimport.

"Kalau ikut trend penge-  
luaran (telur ayam) kita (sebelum ini), Januari be-  
kalan kurang, tapi menjelang Februari bekalan akan meningkat balik kerana perkara ini bermusim," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor ke-44 di sini, malam kelmarin.

Ahmad berkata, kementerian tidak menyangkal dakwaan wujudnya kawalan harga telur ayam di



*Januari bekalan kurang, tapi menjelang Februari bekalan akan meningkat balik kerana perkara ini bermusim"*

**Ahmad Hamzah**

pihak peruncit.

"Kita (kementerian) dapat ada kebenaran berhubung kawalan harga (di pihak peruncit). Orang sentiasa berikan perhatian pada pengeluar. Kita perlu memahami harga dan kos pengeluaran.

"Jadi di situ kita akan berikan perhatian melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana kita membekalkan dan kementerian itu memastikan harga (tidak tinggi)," katanya.

Ahmad mengulas laporan akhbar tempatan semalam berhubung bekalan telur ayam pelbagai gred di seluruh negara didakwa bukan sahaja semakin berkurangan, malah kebanyakan pasar raya serta kedai runcit berdepan masalah kehabisan stok.



KEMENTERIAN tidak menyangkal dakwaan kewujudan kawalan harga telur ayam di pihak peruncit.

## 6 food items put under price control scheme

**PUTRAJAYA:** The Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) for Chinese New Year will be implemented from Jan 29 to Feb 4 involving six types of foodstuff, from seafood to dried food and pork, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi.

On Wednesday, he said enforcement of the Chinese New Year 2022 SHMMP would begin three days before the festival.

The list of items included white pomfret weighing between 200g and 400g, white shrimp comprising between 41 and 60 pieces per kilogramme; garlic from China and ex-farm live pigs; pork belly and pork (lean and fatty meat), he said.

“The SHMMP is implemented as a measure to stabilise the price of goods and

ensure the availability of supply in the market during the Chinese New Year season,” Nanta said, adding that demand for certain goods was expected to increase.

He said the Keluarga Malaysia Maximum Price Scheme (SHMKM), which included chicken, eggs and vegetables, was also in force from Jan 1 to Feb 4.

He said there was a total of 18 items controlled under SHMKM and SHMMP during the Chinese New Year season.

He said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry had collaborated with the Agriculture and Food Industries Ministry to ensure that there would be sufficient food supplies in the market, and it will be easier for the public to obtain their daily necessities for the festival.

**Bernama**

## Negri govt's one-off aid to agro-food entrepreneurs

**SEREMBAN:** The Negri Sembilan government will distribute a one-off assistance of RM1,000 each to 490 agro-food entrepreneurs in the state affected by the recent floods. Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun said the assistance, which involved a total of RM490,000, would be distributed immediately after the list of eligible recipients was obtained from the authorities, including the Agriculture Department. “We understand the hardship faced by the flood victims as the floods have not only damaged their houses, but also their crops and livestock. It also shows that the state government is concerned about the fate of these small entrepreneurs,” he told reporters after chairing the state executive council meeting, here, on Wednesday. **Bernama**